

PM mahu alam semula jadi dijaga

KOTA KINABALU: Pendekatan yang rapi dan bijak membolehkan pembangunan pelancongan dijalankan tanpa memusnahkan budaya masyarakat negara ini, sebaliknya memanfaatkan negara dan penduduk.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sumber alam semula jadi juga harus dibangunkan dengan bijak supaya ia menjadi daya tarikan kepada pelancong asing dan pencinta alam.

Perdana Menteri berkata, kerajaan dan sektor swasta perlu bekerja sama bagi mengenal pasti kawasan mana yang boleh dan harus dibangunkan sebagai pusat pelancongan.

Berucap melancarkan projek Sutera Harbour Resort di sini, semalam, beliau berkata, perkara yang harus diberi perhatian ialah kapasiti pelaksanaan sesuatu kawasan sama ada hutan bakau atau pesisir pantai.

"Pada asasnya kita harus pastikan pembangunan yang diusahakan mengambil kira kepentingan alam sekitar.

"Bagaimanapun, saya percaya dengan pengurusan pembangunan yang mampat dan jitu di samping kerjasama semua pihak kita akan berjaya membangunkan Sabah sebagai pusat peranginan yang popular di rantau ini," katanya.

Hadir sama ialah Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Sakaran Dandai, timbalannya, Datuk Mohd Salleh Tun Said dan pemimpin kerajaan negeri.

Dr Mahathir berkata, kawasan pantai di Asia Tenggara termasuk Sabah adalah antara yang paling cantik di dunia kerana banyak sumber menarik boleh didapati di kawasan itu.

Ia mengandungi 30 peratus daripada terumbu karang di dunia manakala 25 peratus daripadanya adalah hutan bakau manakala 10 peratus lagi sumber ikan.